

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18/09/2017B

Jumpa pelobi sejak 2001 supaya Mahathir bertemu Bush

## Megat Junid uruskan

Oleh SITI NURAZLINA JAMALUDIN  
utusankedah@utusan.com.my

■ KUBANG PASU 17 SEPT.

**T**UN Dr. Mahathir Mohamad didakwa terdesak menaikkan semula kedudukannya di kaca mata pentadbiran Amerika Syarikat (AS) sehingga sanggup membelanjakan jutaan ringgit kepada pelobi semata-mata untuk bertemu Presiden negara itu, George W. Bush.

Perkara itu didedahkan anak bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Allahyarham Tan Sri Megat Junid Megat Ayob iaitu Datuk Megat Fairouz Junaidi yang mendedahkan bapanya itu mendapat arahan daripada Dr. Mahathir untuk menguruskan pertemuan tersebut.

"Usaha untuk menguruskan

pertemuan bekas Perdana Menteri itu dengan Bush di AS telah bermula sejak April 2001 lagi. Arwah telah melaksanakan arahan dengan berjumpa beberapa pihak termasuk membayar pelobi-pelobi bagi membolehkan Dr. Mahathir bertemu Bush.

"Akhirnya Dr. Mahathir berjaya bertemu Bush di Washington pada Mei

2002. Arwah abah saya seorang yang taat kepada pemimpinnya maka beliau akan melaksanakan arahan daripada ketuanya iaitu Dr. Mahathir yang pada ketika itu Perdana Menteri," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurut Megat Fairouz Junai-



MEGAT FAIROUZ JUNAIDI

UM-18/9/2017  
B.8

di, pertemuan itu sangat penting kepada Dr. Mahathir bagi menaikkan semula 'rating' di kaca mata pentadbiran AS.

"Kepimpinan Dr. Mahathir tercalar terutama sekali susulan kenyataan kurang menyenangkan bekas Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore dalam satu majlis makan malam sempena Sidang Kemuncak APEC (Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik) di Kuala Lumpur pada November 1998.

"Usaha arwah berjaya setelah bertemu beberapa pihak dan membelanjakan sejumlah wang kepada pelobi-pelobi dalam merealisasikan arahan tersebut," ujarnya.